

SULIT



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

JABATAN PENGAJIAN AM

**PEPERIKSAAN AKHIR
SESI DISEMBER 2016**

DUB1012 : PENGAJIAN MALAYSIA

**TARIKH : 07 APRIL 2017
MASA : 3.00 PM - 4.00 PM (1 JAM)**

Kertas ini mengandungi **DUA BELAS (12)** halaman bercetak.

Objektif (40 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT

ARAHAN:

Bahagian ini mengandungi **EMPAT PULUH (40)** soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.

- | | |
|------------|---|
| CLO1
C1 | 1. Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka merupakan salah sebuah kerajaan yang gemilang dalam sejarah Malaysia. Apakah bukti yang menunjukkan bahawa Melaka sebuah kerajaan yang bertamadun tinggi pada ketika itu?

A. Agama Islam sebagai agama rasmi kerajaan
B. Melaka mempunyai sultan dan pembesar yang berwibawa
C. Adanya undang-undang Laut Melaka dan Hukum Kanun Melaka
D. Sultan Melaka menjalankan pentadbiran dengan cekap dan tersusun |
| CLO1
C1 | 2. Setiap pembesar utama di dalam Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka mempunyai peranan mereka tersendiri. Apakah peranan Temenggung?

A. Penasihat Kanan Raja
B. Pemilih dan pelantik Raja
C. Menyimpan daftar hamba Raja
D. Ketua dan pelaksana undang-undang |
| CLO1
C1 | 3. Manakah antara yang berikut merupakan susunan yang TEPAT mengenai zaman penjajahan di Tanah Melayu?

A. Portugis – British – Belanda – Jepun
B. Portugis – Belanda – Jepun – British
C. Portugis – British – Jepun – Belanda
D. Portugis – Belanda – British – Jepun |
| CLO1
C1 | 4. Sistem Residen telah diperkenalkan oleh penjajah British setelah mereka menduduki Tanah Melayu. Manakah kenyataan yang TIDAK BENAR tentang sistem ini?

A. Majoriti penduduk tempatan berbesar hati menerima Sistem Residen
B. Residen yang dilantik berkuasa dalam urusan ekonomi dan pentadbiran
C. British dapat mengeksploitasi sumber semulajadi negeri-negeri Melayu
D. Kuasa Raja-raja Melayu dihadkan kepada urusan agama dan adat istiadat Melayu |

CLO1
C1

5. Manakah kenyataan yang **BENAR** tentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu?

- A. Penindasan terhadap orang India
- B. Perusahaan bijih timah dan getah berkembang pesat
- C. Penambahbaikan infrastuktur dan kemudahan awam
- D. Meningkatkan kesedaran politik dalam kalangan masyarakat tempatan

X

- Menyokong cadangan pembentukan Malaysia.
- Meninjau pendapat rakyat Borneo Utara dan Sarawak.
- Memulakan tugasnya pada 19 Februari 1962 hingga 18 April 1962.

CLO1
C1

6. Berdasarkan pernyataan di atas, X adalah _____.

- A. Suruhanjaya Reid
- B. Suruhanjaya Cobbold
- C. Jawatankuasa Antara Kerajaan
- D. Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia

CLO1
C1

7. Setelah dua tahun berada dalam Persekutuan Malaysia, akhirnya Singapura disingkirkan daripada gagasan ini. Berikut merupakan faktor-faktor penyingkiran tersebut **KECUALI**

- A. Masalah perkauman
- B. Ekonomi dan kewangan
- C. Masalah pemberontakkan
- D. Persaingan politik PAP dan MCA

CLO1
C1

8. Apakah tujuan British menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum pada tahun 1949?

- A. Merancang dasar ekonomi
- B. Mendapatkan kemerdekaan
- C. Memupuk perpaduan kaum
- D. Menamatkan pengaruh asing

CLO2
C1

9. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** melibatkan bidang kuasa Perlembagaan Persekutuan?

- A. Badan swasta
- B. Badan kehakiman
- C. Kedudukan istimewa orang Melayu
- D. Bentuk dan tugas Yang di-Pertuan Agong

CLO2
C1

10. Keluhuran Perlembagaan merupakan prinsip ketiga dalam Rukun Negara. Berikan maksud keluhuran perlembagaan tersebut?

- A. Undang-Undang yang menjadi rujukan sekunder dalam sistem perundangan tertentu di Malaysia
- B. Kedudukannya sebagai undang-undang utama dan boleh dipinda mengikut budi bicara Yang di-Pertuan Agong
- C. Undang-undang yang menjelaskan sebahagian daripada bidang kuasa pemerintahan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri
- D. Kedudukannya sebagai undang-undang tertinggi yang menjadi sumber dan punca kepada semua undang-undang

CLO2
C2

11. Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi di Malaysia. Antara peruntukan utama dalam Perlembagaan ialah _____.

- i. Hak asasi
- ii. Bahasa Melayu
- iii. Hak bukan warganegara
- iv. Hak istimewa orang Melayu

- A. i dan ii
- B. ii dan iv
- C. i, ii dan iv
- D. ii, iii dan iv

- Kebebasan beragama
- Kesamarataan dalam pelajaran
- Tiada keabdi dan kerja paksa
- Kesamarataan di sisi undang-undang
- Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak
- Kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan.

CLO2
C2

12. Perlembagaan Malaysia memberikan setiap individu itu hak yang bersesuaian dengan fitrahnya sebagai pengiktirafan kepada peranan dan sumbangan yang diberikan. Berdasarkan maklumat di atas, ianya berkaitan dengan _____.

- A. Kebebasan Asasi
- B. Sistem Persekutuan
- C. Demokrasi Berparlimen
- D. Kerajaan Berperwakilan

- CLO2
C2
13. Menurut Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia, orang Melayu ditakrifkan sebagai _____.
 A. seorang yang beragama Islam, bertutur menggunakan Bahasa Melayu, mengamalkan apa jua adat istiadat keagamaan dan lahir sebelum hari merdeka di Tanah Melayu
 B. seorang yang beragama Islam, bertutur menggunakan Bahasa Melayu, mengamalkan adat istiadat Melayu dan lahir selepas hari merdeka sama ada di Tanah Melayu atau pun di Sabah dan Sarawak
 C. seorang yang beragama, bertutur menggunakan Bahasa Melayu, mengamalkan adat istiadat Melayu dan lahir sebelum hari merdeka sama ada di Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak
 D. seorang yang beragama Islam, bertutur menggunakan Bahasa Melayu, mengamalkan adat istiadat Melayu dan lahir sebelum hari merdeka sama ada di Tanah Melayu atau Singapura, atau telah bermastautin pada hari merdeka
- CLO2
C2
14. Seseorang boleh dilucutkan kewarganegaraan Malaysia sekiranya _____.
 A. menunjukkan taat setia kepada negara
 B. memiliki kad pengenalan warga Thailand
 C. menyokong pasukan bola sepak England
 D. menziarahi saudara di Brunei tanpa passport
- CLO2
C2
15. Parlimen merupakan badan perundangan yang berfungsi untuk _____.
 A. menggubal dan meluluskan undang-undang persekutuan
 B. mengelakkan kuasa mutlak berpusat pada satu-satu badan
 C. melantik anggota Mahkamah Khas di bawah Fasal (1) Perkara 182
 D. menjaga dan memelihara keluhuran dan ketinggian Perlembagaan Malaysia
- CLO2
C2
16. Tujuan utama pengasingan kuasa dilaksanakan dalam sistem pemerintahan adalah untuk
 A. memastikan pemerintahan negara berjalan lancar
 B. mengelakkan pemusatan kuasa antara pihak-pihak tertentu
 C. mengekalkan kepercayaan rakyat terhadap sistem pemerintahan negara
 D. memudahkan Yang di-Pertuan Agong menjalankan kuasa pemerintahan

- CLO2
C2
17. Antara yang berikut, yang manakah **TIDAK** berkaitan dengan keputusan untuk mengadakan semula pilihan raya?
 A. Ketidakpatuhan undang-undang dan peraturan pilihan raya oleh mana-mana pihak
 B. Sogongan, peras ugut atau sebarang salah laku yang mungkin telah menjelaskan pilihan raya
 C. Perbuatan rasuah atau perbuatan menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh calon atau ejen
 D. Pemerintah melalui suara rakyat menentukan bila masa perlu diadakan pilihan raya sekiranya berlaku rusuhan atau demonstrasi
- CLO2
C2
18. Antara pernyataan berikut, yang manakah **TIDAK BENAR** mengenai sistem demokrasi berparlimen di Malaysia?
 A. Rakyat menentukan tumpuk pemerintahan melalui pilihan raya
 B. Rakyat tidak mempunyai kuasa membantah dasar-dasar kerajaan
 C. Pembentukan atau pemilihan kerajaan dibuat berdasarkan suara majoriti
 D. Kritikan terhadap dasar-dasar kerajaan boleh disuarakan dalam sidang Parlimen
- CLO3
C2
19. Malaysia sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaiannya bangsa dan kaum. Bagaimanakah latarbelakang pembentukan masyarakat pelbagai bangsa di Malaysia?
 A. Kapitalisme
 B. Federalisme
 C. Imperialisme
 D. Kolonialisme
- CLO3
C2
20. Manakah antara pernyataan yang **BENAR** berkaitan dengan penghijrahan masuk kaum Cina dan India ke Tanah Melayu?
 A. Bermula zaman penjajahan British
 B. Bertujuan untuk menyebarkan agama
 C. Bermotifkan untuk percantuman budaya
 D. Memberikan kesan kepada pembangunan ekonomi Tanah Melayu

CLO3
C2

21. Etnik Melayu terdiri daripada berbagai-bagai keturunan. Pilih etnik yang dikategorikan sebagai Melayu.

- i. Melayu Proto
 - ii. Melayu Moden
 - iii. Melayu Migrasi
 - iv. Melayu Deutero
- A. i dan ii
 - B. i, ii dan iv
 - C. ii, iii dan iv
 - D. i, ii, iii dan iv

CLO3
C2

22. Antara berikut, kumpulan orang asli yang manakah terdapat di Semenanjung Malaysia.

- i. Iban
 - ii. Senoi
 - iii. Negrito
 - iv. Melayu-proto
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. ii, iii dan iv

CLO3
C2

23. Antara kesan peristiwa 13 Mei 1969 ialah peralihan kuasa politik daripada pimpinan Tunku Abdul Rahman kepada MAGERAN pada 17 Mei 1969. MAGERAN merujuk kepada

- A. Majlis Gerakan Negara
- B. Majlis Integrasi Nasional
- C. Majlis Perpaduan Negara
- D. Jabatan Intergrasi Nasional

Proses percampuran budaya atau kaum dan mewujudkan budaya dan ras yang baharu.

CLO3
C2

24. Perpaduan dan integrasi nasional sangat penting dipupuk dalam jiwa masyarakat yang terdiri daripada perlbagai kaum. Penyataan di atas menggambarkan konsep _____.

- A. Segregasi
- B. Akulturasi
- C. Akomodasi
- D. Amalgamasi

CLO3
C3

25. Rukun Negara berfungsi sebagai tulang belakang yang menjadi sandaran dan pegangan negara dan rakyat Malaysia. Penyataan berikut adalah berkaitan dengan Rukun Negara **KECUALI**

- A. telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970
- B. digubal selepas peristiwa 13 Mei 1969
- C. usaha penggubalan dibuat oleh Majlis Perundingan Negara
- D. merupakan satu idealogi Negara untuk menyatukan rakyat kearah perpaduan

CLO3
C3

26. Majlis Perundingan Negara (MAPEN) adalah sebuah organisasi yang diwakili oleh parti politik, kesatuan sekerja, akhbar, pertubuhan professional, badan agama dan pelbagai pertubuhan lain. Mengapakah MAPEN ditubuhkan?

- A. Membantu dan menyusun kerja-kerja sukarela
- B. Mengambil alih tugas parliment buat sementara waktu
- C. Mewujudkan garis panduan bagi kerjasama antara kaum
- D. Membantu kerajaan mengerakkan rakyat ke arah perpaduan

CLO3
C3

27. Rancangan Pembangunan Ekonomi negara dilaksanakan untuk memberi faedah dan manfaat kepada rakyat. Pilih tujuan Rancangan Pembangunan Ekonomi di Malaysia berdasarkan kenyataan berikut:

- A. Menggalakkan sistem pecah perintah
- B. Mengikut zaman pemerintahan British di Tanah Melayu
- C. Menghasilkan pembangunan mengikut kaum dan kawasan-kawasan masing-masing
- D. Menurunkan kadar kemiskinan dalam kalangan orang Melayu dan pembangunan ekonomi luar bandar

Memperbaiki ketidakseimbangan sosio-ekonomi yang wujud antara kaum merupakan salah satu dasar Y.

CLO 3
C3

28. Berdasarkan kenyataan di atas, Y adalah _____.

- A. Dasar Urbanisasi
- B. Dasar Ekonomi Baru
- C. Dasar Kependudukan Negara
- D. Dasar Pembangunan Nasional

CLO 3
C3

29. Berdasarkan kenyataan berikut, kenalpasti langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia dalam memulihkan kembali ekonomi selepas berlakunya krisis ekonomi pada tahun 1997.

- A. Mendapatkan bantuan kewangan dari Amerika
- B. Meningkatkan kadar duti import dan eksport negara
- C. Meminjam wang dari International Monetary Fund (IMF)
- D. Meningkatkan penggunaan di samping membendung tekanan inflasi

CLO 3
C3

- 30.
- berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini,
 - unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar
 - Islam merupakan unsur penting di dalam pembentukannya

Prinsip-prinsip di atas menggambarkan _____.

- A. Pelan Integriti Nasional
- B. Dasar Pembangunan Negara
- C. Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- D. Dasar Pembangunan Belia Negara

CLO 3
C3

31. Beberapa strategi telah dibentuk untuk membangunkan Dasar Belia Negara. Pilih kenyataan yang **PALING TEPAT**.

- A. Membina sosiabudaya dan kerohanian seimbang
- B. Pemupukan nilai-nilai kebudayaan agar lebih dinamik
- C. Meninggikan taraf hidup ekonomi dan mutu kebudayaan
- D. Pembangunan kemahiran dan keusahawanan untuk mempersiapkan belia dengan teknologi terkini

CLO 3
C3

32. Pelan Integriti Nasional (PIN) merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam membangun masyarakat. PIN dilancarkan bertujuan untuk _____.

- A. mewujudkan jaringan hubungan antarabangsa
- B. menyelaraskan semua program dan aktiviti negara
- C. menggembeling semangat sayang dan cinta akan negara
- D. menjadikan integriti sebagai budaya masyarakat, memperkuuhkan asas moral masyarakat dan negara

CLO 3
C3

33. Malaysia merupakan negara yang banyak terlibat dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti *Association of South Asian Nations* (ASEAN), *Organisation of Islamic Conference* (OIC), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), *Non-Aligner Movement* (NAM) dan KÖMANWEL. Senaraikan kepentingan berikut bagi menjamin hubungan Malaysia dengan negara luar.

- i. Pertahanan
- ii. Keselamatan
- iii. Kedaulatan Negara
- iv. Pembangunan Ekonomi

- A. i, ii dan iii
- B. i, iii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

CLO 3
C3

34. Berikut adalah berkaitan dengan beberapa rancangan ketua-ketua negara Komanwel dan tindakan kerjasama negara anggota **KECUALI**

- A. Pengurangan pencemaran udara
- B. Cara mengatasi masalah penipisan lapizan ozon
- C. Penubuhan tabung antarabangsa untuk pemeliharaan alam sekitar
- D. Pengurusan perhutanan dan pertanian di negara-negara maju dan sedang membangun

Bermatlamat untuk mewujudkan kerjasama antara semua negara Islam dalam pelbagai bidang

CLO 3
C3

35. Hubungan luar Malaysia adalah sangat penting dalam memupuk hubungan baik serta meningkatkan kerjasama dengan negara-negara lain. Objektif di atas ada kaitannya dengan pertubuhan _____.

- A. *Association of South Asian Nations* (ASEAN)
- B. *Non-Aligner Movement* (NAM)
- C. *Organisation of Islamic Conference* (OIC)
- D. *European Union* (EU)

- Congo 1961
- Somalia 1965
- Bosnia 1996

CLO 3
C3

36. Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai hubungan baik dengan negara-negara luar. Kaitkan usaha yang telah dilakukan oleh Malaysia dengan negara-negara di atas.
- A. Menyerang negara tersebut
 - B. Menyalurkan bantuan kewangan
 - C. Menghantar misi kemanusiaan di negara tersebut
 - D. Menghantar pasukan pengaman di bawah panji-panji PBB

CLO 3
C3

37. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah ditubuhkan di Malaysia di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Senaraikan peranan yang dimainkan oleh JAS.
- i. Menguatkuasakan undang-undang terhadap pencemaran alam sekitar
 - ii. Mengadakan kempen-kempen kesedaran mengenai pencemaran di seluruh Malaysia
 - iii. Meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari.
 - iv. Mewujudkan Dasar Alam Sekitar bagi menjadikan Malaysia negara bersih, selamat dan sihat.

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. ii, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

CLO3
C3

38. Pencemaran udara berlaku apabila pembebasan bahan kimia ke atmosfera yang menyebabkan kesan buruk kepada manusia dan haiwan. Kaitkan kesan langsung yang berlaku disebabkan oleh pencemaran tersebut?
- A. Pemanasan global
 - B. Perubahan kualiti air
 - C. Peningkatan bencana alam
 - D. Penularan penyakit berjangkit

Pembersihan etnik mereka dilakukan melalui cara pembunuhan dan pemusnahan tempat tinggal. Kini, mereka menjadi pelarian politik terutamanya di Malaysia.

CLO3
C3

39. Berdasarkan pernyataan di atas, kaitkan realiti konflik yang berlaku di _____.

- A. Iraq
- B. Rohingya
- C. Afghanistan
- D. Korea Selatan-Korea Utara

CLO3
C3

40. Tindakan Pembangunan Modal Insan dilaksanakan mengikut bidang tertentu. Kenalpasti tindakan berikut sebagai Pembangunan Modal Insan yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam bidang pendidikan?
- A. Menubuhkan Institut Integriti Nasional
 - B. Memperkenalkan Program Latihan Khidmat Negara
 - C. Melaksanakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara
 - D. Memperkenalkan Program *Human Capital Development*

SOALAN TAMAT